

Drama Islam:

Pembukaan Kota Suci Makkah

(Babak yang kedua)

Pemandangan pentas:

Pemandangan di dalam sebuah bilik yang lain di rumah itu juga . . . kelihatan Ḍuḥā sedang bertelut duduk di atas tikar sembahyang, ia baru sahaja selesai mengerjakan ibadah sembahyangnya. Selepas itu kelihatan ia mengangkat kedua belah tangannya ke langit berdoa ke hadrat Allah *al-'Azīz al-Jabbār*, dengan penuh rasa khusyuk dan tawaduk.

(diterjemah oleh: A. Aziz al-Marshadi)

- Ḍuḥā: “Wahai Tuhan! Tolonglah Muhammad . . . Tolonglah dia wahai Tuhan Yang Maha Berkuasa! . . . Tolongilah hamba-Mu yang mempunyai tanggungjawab membawa risalah-Mu dan menyampaikan amanat-Mu kepada seluruh manusia akhir zaman yang menjadi penghuni alam ini . . . Wahai Tuhan yang menjadikan langit dan bumi! . . . Wahai Tuhan Yang Maha Kaya . . . Tuhan Yang Maha Berkuasa! (Kemudian ia sujud ke bumi dengan khusyuknya).
- ‘Aliya: (Berjalan dengan langkah yang perlahan-lahan menuju ke bilik tempat Ḍuḥā beribadah itu, apabila sampai di muka pintu bilik itu, maka ia pun berhenti sebentar sambil memperhatikan gerak geri Ḍuḥā yang sedang sujud itu. Ditunggunya sehingga Ḍuḥā selesai daripada melakukan ibadahnya).
- Ḍuḥā: (Meneruskan doanya): “Tolonglah dia wahai Tuhan! . . . Bukakan baginya pintu-pintu Kota Suci Makkah supaya bersinar cahaya hidayah-Mu ke seluruh pelusuk Kota Suci ini, dan supaya terhapusnya kekuasaan kaum musyrikin yang zalim dan sesat itu . . . Perkenankanlah akan permohonan hamba-Mu yang telah beriman kepada-Mu Ya Allah Tuhan Seru Sekalian Alam!”
- ‘Aliya: (Maju selangkah demi selangkah mendapatkan Ḍuḥā dari belakang, seraya bertanya dengan nada suara yang lemah lembut): “Perkataan apa yang telah engkau ucapkan di dalam ibadahmu itu tadi wahai Ḍuḥā?”.
- Ḍuḥā: (Manakala mendengar suara ‘Aliya menegurnya dari belakang ia pun terus berdiri tersentak, dengan muka yang pucat lesi ketakutan dan dengan suara yang teragak-gagap ia menjawab): “Oh, puan hamba rupanya yang datang!”.
- ‘Aliya: “Jangan engkau takut wahai Ḍuḥā! Khabarkanlah kepadaku dengan terus terang, perkataan apa yang telah engkau ucapkan di dalam ibadahmu tadi?” (tanya ‘Aliya dengan suara yang perlahan-lahan memujuk).
- Ḍuḥā: (Kelihatan semakin bertambah takut, terutama setelah ia mendengar pertanyaan yang dikemukakan oleh isteri tuannya dengan secara tiba-tiba itu. Air mukanya kelihatan semakin bertambah pucat lesi . . . Ia terus terundur beberapaa

langkah ke belakang . . . Ia terdiam beberapa ketika seperti orang kebingungan. Tetapi dengan tiba-tiba timbullah semangat keberaniannya untuk menentang isteri tuannya yang cuba hendak mengetahui akan rahsia dirinya itu. Dengan suara yang tegas dan penuh rasa keimanan ia terus berkata): “Sebenarnya hamba telah beriman dengan agama Islam yang dibawa oleh Muhammad Nabi akhir zaman!”

‘Aliya: “Apa katamu Duhā! . . . Engkau telah menjadi seorang mukminah?”

Duhā: “Ia, begitulah! (Cuba Duhā dengan tegas dan berani).

‘Aliya: (Manakala mendengar jawapan dari Duhā itu, itu, maka ia pun dengan segera mengangkat kedua-dua belah tangannya ke langit sambil berdoa dan berkata kepada Duhā):
“Syukur *al-hamduli ‘Lāh*, kerana Tuhan telah memberi hidayah dan pertunjuk kepadamu wahai Duhā!”

Duhā: (Terpegun sejenak apabila ia mendengarkan kata-kata yang diucapkan oleh ‘Aliya isteri tuannya itu, hampir-hampir ia tidak percaya bahawa perkataan-perkataan yang baru didengarnya itu keluaranya dari mulut ‘Aliya sendiri).

‘Aliya: (Sewaktu melihat Duhā dalam keadaan serba salah dan ragu-ragu di atas perkataan-perkataan yang diucapkan itu, maka ia pun terus berkata): “Hilangkanlah perasaan ragu yang sedang bergelora di hatimu itu wahai Duhā!
. . . Kerana aku juga telah beriman kepada agama Islam yang dibawa oleh Muhammad *Ṣal‘am* itu; tetapi selama ini aku bimbang menyatakan

keislamanku itu kepada sesiapa jua pun, hatta kepada engkau sendiri pun aku berasa bimbang menyatakannya . . . Sehingga terpendamlah rahsia keislamanku di antara aku dengan Tuhanku sahaja . . . Bila tiba waktu tengah malam, semua manusia sedang lenyak tidur, disaat itulah aku bangun seorang diri, mengerjakan amal ibadatku terhadap Allah Tuhan yang sebenarnya . . . Aku sembahyang . . . Aku berdoa . . . Dan aku membaca beberapa ayat-ayat Qur’an yang telah aku hafazkan di dalam hati . . . Aku sentiasa bermohon ke hadrat Allah supaya rahsia keislamanku ini diperlindungi-Nya, sehingga tiba masanya seruan Islam berkembang ke seluruh pelusuk semenanjung Tanah Arab ini . . .”.

Duhā: (Menyampuk perkataan ‘Aliya): “Pada ketika itu jadilah kalimah Allah itu tinggi dan kalimah kafir itu hina dan rendah.”

‘Aliya: “Memang begitulah yang telah dijanjikan Allah kepada orang-orang muslimin.”

Duhā: (Dengan penuh semangat lantas berkata):
“Sesungguhnya benarlah segala janji-janji Tuhan itu . . . Sekarang Rasulullah sedang di dalam perjalanan menuju ke Kota Suci Makkah ini . . . Bersama-samalah kita menyambut ketibaan Baginda dengan sekalian bala tenteranya dengan perasaan hati yang riang gembira!”

(Babak yang ketiga)

Pemandangan pentas:

Tentera-tentera muslimin setapak demi setapak terus berjalan menuju ke Kota Suci Makkah al-Mukarramah. Di belakang barisan tentera-tentera muslimin yang gagah perkasa itu kelihatan dua orang Arab musyrikin sedang berjalan

mengintip gerak geri pasukan tentera muslimin. Mereka kedua itu bernama: Wa'il dan Maktum . . . Keduanya sedang berbual-bual.

Wa'il: (Dengan berbisik-bisik kepada Maktum): "Maktum! Bagaimana Muhammad boleh berkuasa menghimpunkan bala tentera muslimin yang sebegitu banyak bilangannya? . . . Dapatkah saudara mengagak berapa banyak bilangan bala tentera muslimin yang di bawah pimpinan Muhammad itu wahai Maktum?. Barangkali boleh juga kita mengetahui bilangan mereka itu, kalau kita dapat mengetahui berapa banyak bilangan unta yang mereka sembelih pada setiap hari?"

Maktum: "Saya fikir tidak ada jalan bagi kita hendak mengetahui bilangan unta-unta yang mereka sembelih pada tiap-tiap hari itu, selagi kita tidak bercampur gaul hidup di dalam masyarakat mereka . . . Tetapi boleh juga diagak-agak . . . Lebih kurang . . . lebih kurang . . . Eh, . . . Berapa agaknya lebih kurang bilangan mereka itu?"

Wa'il: "Lima belas ribu? . . . Dua puluh ribu? . . . Lima puluh ribu? . . . Ah, . . . Sebenarnya bilangan mereka tidak terhitung banyaknya . . . dari debu tapak kaki kuda-kuda mereka yang menutupi langit itu sahaja, kita boleh tahu bahawa bilangan mereka tidak dapat dikira".

Maktum: "Kalau dapat kita mengagak berapa banyak bilangan senjata yang ada pada mereka, sudah cukup!"

Wa'il: "Senjata mereka yang paling tajam dan bersakti ialah iman di dada mereka!"

Maktum: "Wahai Wa'il! Sekarang bukanlah masanya kita



"Mengapa engkau berdiri tercegat macam patung berhala di hadapanku ini wahai Duḥā?"

bergurau senda, kita telah dikirim oleh pembesar-pembesar tentera musyrikin Makkah untuk menyiasat berapa banyak bilangan tentera muslimin dan berapa kuat angkatan bersenjata mereka. Bagaimana saudara boleh mengatakan bahawa kekuatan senjata yang ada pada mereka hanya iman di dada?"

Wa'il: "Demi atas nama Tuhan berhala *al-Lāta* dan *al-'Uzzā*, saya tidak bercakap bohong dan mahu bergurau senda dengan saudara dalam perkara ini. Memang sesungguhnya setiap kemenangan yang telah mereka capai di dalam peperangan-peperangan yang lalu adalah dengan menggunakan senjata keimanan mereka yang teguh dan kuat itu. Lihat sahajalah kemenangan Badar; bilangan tentera mereka hanya sedikit, alat senjata mereka tidak lengkap; sedang bilangan tentera kita tiga kali ganda banyaknya dari tentera mereka dengan menggunakan alat senjata peperangan yang cukup

lengkap, namun begitu kemenangan berada di pihak mereka juga.”

Maktum: “Ya benar! Jika kita memandang dari segi kemenangan-kemenangan yang telah mereka capai di dalam peperangan-peperangan yang lalu itu, memang benar juga perkataan saudara itu . . . Tetapi saya dengar kelengkapan mereka pada kali ini adalah lebih besar dari masa-masa yang lalu, cukup dengan angkatan berkuda, angkatan bertombak dan angkatan memanah. Apa pendapat saudara dalam perkara ini wahai sahabatku Wa’il?”

Wa’il: “Oh, kalau begitu buat apa kita menunggu lama-lama di tempat yang merbahaya ini; lebih baik kita lari mencari tempat perlindungan yang lebih aman sebelum pekerjaan kita mengintip ini dapat dikesan oleh askar-askar pengintip dari pasukan kaum muslimin.”

Maktum: “Ya benar. Saya pun bersetuju dengan pendapat saudara itu . . . Marilah kita beredar dari tempat ini sekarang juga!”

Belum pun sempat mereka berdua melangkahkan kaki untuk beredar dari tempat itu, tiba-tiba di belakang keduanya telah tercegat berdiri dua orang tentera pengintip kaum muslimin yang cukup lengkap dengan alat senjata, dan kedua-dua tentera muslimin itu memberi perintah supaya Wa’il dan Maktum jangan cuba hendak melawan, sambil mengacukan mata pedang pada belakang keduanya. Mendengar perintah itu, maka kedua pengintip dari tentera musyrikin itu pun sangat berasa ketakutan, seluruh anggota keduanya menggeletar, pedang keduanya terus terlepas dari tangan.

Wa’il: (Berpaling kepada temannya Maktum sambil berkata dengan nada suara yang menggeletar): “Tentera

Muhammad telah tiba hendak menawan kita barua¹”.

(Salah seorang daripada tentera muslimin itu lantas berkata dengan suara yang keras): “Ya, tentera Muhammad telah tiba . . . Mulai dari saat ini tidak ada satu inci bumi semenanjung Arab ini yang tidak didatangi oleh tentera-tentera Muhammad! Tidak ada celah buat kamu hendak melarikan diri, selain daripada menyerah kalah . . .”

Maktum: (Dengan suara yang terputus-putus ketakutan) “Janganlah diapa-apakan kami . . . Kami akan menyerah diri . . . Kami mesti akan menyerah diri!” (Kemudian tentera muslimin yang seorang lagi berkata pula dengan suara yang menengking): “Jangan lekas gentar . . . Dan jangan mudah menyerah kalah wahai pengintip rahsia tentera musyrikin yang pengecut!”

Wail: “Kami bersumpah atas nama Tuhan kamu, bahawa kami bahawa kami bukanlah pengintip rahsia sebagaimana sangkaan kamu itu. Kami adalah dia orang pengembara yang sesat jalan . . . Percayalah! . . . Percayalah pada kami!”

Tentera: “Cis kamu pengembara yang sesat jalan? . . . Dusta!! Lihat ke sana!!! (Sambil anak jarinya menunjukkan ke arah satu jalan kecil). Lihat itu jalan yang menuju ke Makkah pergilah kamu berdua pulang dengan melalui jalan itu! Manakala kamu berdua sampai ke Makkah, khabarkanlah kepada ketua-ketua kamu yang telah mengutus kamu berdua datang ke mari untuk melakukan pengintipan ke atas tentera-tentera kami . . . Khabarkan kepada mereka itu, bahawa kamu berdua telah bersua dengan tentera-tentera

¹ Perkataan sebenarnya adalah berdua.

muslimin seramai sepuluh ribu! . . . Tidak
ada rahsia bagi kami tentang bilangan
tentera-tentera kami yang akan memasuki Kota
Suci Makkah al-Mukarramah”.


Maktum : (Dengan mata yang terbelalak memandang kepada Wail
seraya berkata): “Sepuluh ribu tentera???”.
(Wa’il hanya ternganga mulutnya, tidak dapat
berkata apa-apa).

Tentera: “Ya, sepuluh ribu tentera sahaja! . . . Ketua kami
Saiyidina Muhammad (S.A.W) – Kalau Baginda mahu –
sanggup datang memasuki Kota Makkah dengan
bilangan tentera sebanyak seratus ribu orang;
Tetapi Baginda tidak mahu berbuat demikian,
kerana kedatangan Baginda ke Makkah adalah dengan niat
yang suci murni, Baginda bukan hendak

menyerang Kota Suci itu, tetapi Baginda
hendak membukanya dengan secara aman dan damai,
dengan tidak menumpahkan walau setitik darah
jua pun. Katakanlah kepada ketua-ketua kamu, bahawa
kedatangan kami bukan kerana hendak berperang.
Kalau kedatangan kami nanti kamu sambut dengan
secara damai, maka haramlah bagi kami
menumpahkan darah orang-orang yang menyambut
kedatangan kami dengan secara baik itu!
Sekarang juga pergilah kamu pulang segera
membawa amanat kami . . . Dan ikutilah jalan
itu!”.

Mendengar perintah itu, maka kedua-dua pengintip
musyrikin itu pun dengan segera beredar meninggalkan tempat
itu dengan ketakutan.

(bersambung)



Gambar di atas ialah asrama khas bagi mahasiswa-mahasiswa Universiti Kuwait. Bangunan asrama ini terletak tidak
berapa jauh dari gedung universiti.